



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DINAMISASI SAUNG ANGKLUNG UDJO SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN,
PELANCONGAN DAN PEMBUATAN ALAT MUZIK
DI BANDUNG, INDONESIA**

MOCHAMAD DADANG SOLEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (ETNOMUZIKOLOGI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis dinamisasi Saung Angklung Udjo (SAU) dalam menstruktur semula aspek pendidikan, pelancongan serta pusat pembuatan angklung agar bersesuaian dengan tatapan, permintaan dan citarasa penonton tempatan dan antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi kajian literatur, pemerhatian, temuramah dan analisis rakaman muzik dan video. Responden dalam kajian ini ialah para pelajar sekolah menengah, pelancong tempatan, pelancong antarabangsa dan ahli pengurusan SAU. Analisis data kajian lapangan menunjukkan bahawa SAU merupakan organisasi yang dinamis dari segi intuisi mereka dalam mengadaptasi struktur persembahan SAU kepada permintaan dan citarasa penonton tempatan dan antarabangsa abad ini. SAU telah membina satu ekosistem pendidikan dan pelancongan yang berpusatkan kemasyarakatan serta menerokai penggunaan sumber semulajadi bagi menggerakkan ekonomi dan membekalkan kerja kepada masyarakat di Bandung. Kajian ini mencadangkan SAU sebagai sebuah model untuk kelestarian tradisi budaya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



THE DYNAMISM OF SAUNG ANGKLUNG UDJO AS A CENTER OF EDUCATION, TOURISM AND MUSIC INSTRUMENT MANUFACTURE IN BANDUNG, INDONESIA

ABSTRACT

The aim of this study is to analyse the dynamism of Saung Angklung Udjo (SAU) in restructuring the educational, tourism and instrument manufacture aspects of the center in order to cater to the gaze, demand and preferences of the local and international audience. This research used a qualitative approach that includes literature review, observation, field research, interviews and analysis of recorded music and videos. The respondents of this research were high school students, local and international tourists, and the management of SAU. Analysis of data showed that SAU is a dynamic organisation that is intuitive toward adapting its presentational structure to the demands and taste of the local and international audience of this century. SAU has developed an education and tourism ecosystem that is community-centered and explored the use of natural resources to stimulate the economy and provide employment to the people of Bandung. This research recommends SAU as a model for the sustainability of cultural traditions.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	13
1.2.1 Polisi kerajaan setempat tentang pelestarian kesenian sunda	15
1.2.2 Keluarga sebagai pewaris SAU	19
1.2.3 Permintaan dari Institusi Pendidikan dan Pelancongan	21
1.2.4 Psikologi kanak-kanak mempengaruhi persembahan muzik	24

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
1.3	Kerangka Konseptual			28
1.4	Objektif penyelidikan			35
1.5	Soalan Kajian			35
1.6	Metodologi			36
1.6.1	Tinjauan Pustaka			37
1.6.2	Kajian Dokumen			38
1.6.3	Observasi Lapangan			39
1.6.4	Wawancara/Temubual			40
1.7	Kajian Literatur			41
1.8	Rumusan Bab			53

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi **BAB 2 SAUNG ANGKLUNG UDJO SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN, PELANCONGAN DAN PEMBUATAN ALAT MUZIK YANG DINAMIK**

2.1	Pengenalan	57
2.2	Profil Udjo Ngalagena	58
2.2.1	Belajar Angklung	60
2.2.2	Masa Awal Penubuhan Saung Angklung Udjo	61
2.2.3	Pembinaan Seni di Saung Angklung Udjo	70
2.2.4	Saung Angklung Udjo sebagai Alat Diplomasi	75
2.3	Saung Angklung Udjo (SAU) sebagai Institusi Budaya	81
2.4	Rumusan	93

BAB 3 SAUNG ANGKLUNG UDJO SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN SENI BUDAYA KANAK-KANAK SEKOLAH DI BANDUNG

3.1	Pengenalan	96
3.2	Perbandingan pelancongan pendidikan di Indonesia	97
3.2.1	Pelancongan Pendidikan Taman Mini Indonesia Indah	98
3.3.1	Pelancongan Pendidikan di Yogyakarta	101
3.3.2	Pelancongan Pendidikan di Bali	105
3.3	Repertoir lagu yang dipilih kanak-kanak dan pelajar sekolah	106
3.4	Kaedah pembelajaran muzik angklung untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah	118
3.4.1	Metod pembelajaran angklung kumpulan A	120
3.4.2	Metod pembelajaran angklung kumpulan B dan Kumpulan C	124
3.4.3	Pembelajaran angklung toel	126
3.5	Falsafah Pendidikan Indonesia tentang pelestarian seni budaya	128
3.6	Psikologi kanak-kanak abad 21	131
3.7	Rumusan	133

BAB 4 ANGKLUNG SAUNG UDJO SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN BUDAYA UNTUK PELANCONG TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

4.1	Pengenalan	138
-----	------------	-----

4.2 Pakej persembahan dalaman Saung Angklung Udjo 146

4.2.1 Bamboo afternoon/Buluh petang 146

4.2.2 Demonstrasi Wayang Golek 147

4.2.3 Khitanan/Sunatan 149

4.2.4 Arumba 151

4.2.5 Tari Topeng 152

4.2.6 Angklung Mini 153

4.2.7 Angklung Padaeng 154

4.2.8 Bermain angklung bersama 161

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi 4.3 Pakej persembahan luaran Saung Angklung Udjo 164

4.3.1 Pakej Iwung 164

4.3.2 Pakej Awi 165

4.3.3 Pakej kesenian sunda lainnya 167

4.4 Perbandingan pelancongan budaya tempatan dan antarabangsa di Indonesia 168

4.4.1 Taman Mini Indonesia Indah 168

4.4.2 Pulau Bali 172

4.4.3 Kota Yogyakarta 173

4.5 Rumusan 174

BAB 5 SAU SEBAGAI TEMPAT PEMBUAT ANGKLUNG

5.1 Pengenalan	178
5.2 Pengeluaran angklung di Saung Angklung Udjo	185
5.3 Pelestarian pembuatan angklung di Saung Angklung Udjo	199
5.4 Reka bentuk angklung baru di Saung Angklung Udjo	202
5.5 Rumusan	205

BAB 6 KESIMPULAN 210

RUJUKAN 220

LAMPIRAN 225



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

2.1	Perjalanan Diplomasi Saung Angklung Udjo	76
2.2	Anugerah yang diterima Saung Angklung Udjo	78



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Dinamisasi antara Saung Angklung Udjo dengan Permintaan Budaya (<i>Cultural demand</i>)	34
2.1 Udjo Ngalagena (Udjo Diplomasi Angklung, Sulhan Syafii, 2009)	59
3.1 Para pelajar belajar membuat angklung (dok. persendirian, 2012)	110
3.2 Lagu persembahan muzik angklung (Saung Angklung Udjo, 2012)	112
3.3 Lagu kanak-kanak (Saung Angklung Udjo, 2012)	113
3.4 Lagu popular Indonesia (Saung Angklung Udjo, 2013)	116
3.5 Model Simbol Tangan (dokumen persendirian, 2012)	121
3.6 Tangga nada nama-nama binatang (Obby, 2010)	123
3.7 Angklung “Toel” (dok. persendirian, 2013)	127
4.1 Persembahan Wayang Golek di SAU (dok. persendirian, 2013)	149
4.2 Persembahan Sunatan di SAU (dok. persendirian, 2013)	150
4.3 Persembahan Arumba di SAU (dok. persendirian, 2013)	152
4.4 Persembahan Tari Topeng di SAU (dok. persendirian, 2013)	153
4.5 Persembahan Angklung Mini di SAU (dok. persendirian, 2013)	154
4.6 Lagu popular (Saung Angklung Udjo, 2013)	156

4.7	Lagu latin (Saung Angklung Udjo, 2013)	158
4.8	Persembahan Angklung Padaeng di SAU (dok. persendirian, 2013)	161
4.9	Bermain Angklung Bersama di SAU (dok. persendirian, 2013)	163
4.10	Persembahan Iwung di SAU (dok. persendirian, 2013)	165
4.11	Persembahan pakej Awi di SAU (dok. persendirian, 2013)	166
4.12	Persembahan tari merak di SAU (dok. persendirian, 2013)	167
5.1	Angklung Sarinande (bale-budaya.blogspot.com, 2012)	192
5.2	Angklung Sarinande plus (bale-budaya.blogspot.com, 2012)	193
5.3	Angklung Tadika (dok. persendirian, 2013)	194
5.4	Angklung Tadika Korea (sekolahmusik.abatasa.co.id, 2014)	195
5.5	Angklung Unit Kecil (dok. persendirian, 2013)	196
5.6	Angklung Unit sedang (dok. persendirian, 2013)	197
5.7	Angklung Unit besar (dok. persendirian, 2013)	198
5.8	Pembuatan angklung (dok. persendirian, 2012)	201
5.9	Persembahan angklung “toel” (dok. persendirian, 2012)	204



SENARAI SINGKATAN

DIY	Daerah Istimewa Yogyakarta
HIS	Holandsch Inlandsche School
IACS	Indonesian Art & Culture Scholarship
ITB	Institut Teknologi Bandung
KBRI	Kedutaan Besar Republik Indonesia
LMAP	Lomba Musik Angklung Padaeng
PATA	Pasific Asia Travel Association
PSBK	Padepokan Seni Bagong Kussudiardja
SAU	Saung Angklung Udjo
SGA	Sekolah Guru bagian A
SGB	Sekolah Guru bagian B
TMII	Taman Mini Indonesia Indah
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPI	Universitas Pendidikan Indonesia
WTO	World Trade Organisation



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Saung Angklung Udjo (SAU) ialah sebuah pusat pelancongan pendidikan dan budaya yang berada di kota Bandung, Jawa Barat. Para pengunjung boleh menikmati alunan muzik yang diperbuat daripada buluh seperti angklung yang berasal dari buluh dan seni Sunda seperti wayang golek, tari-tarian, arumba. Selain daripada berperanan sebagai tempat kunjungan pelancongan pendidikan dan budaya, Saung Angklung Udjo juga merupakan pusat pengeluaran alat muzik tradisional. Ia turut menghasilkan pelbagai alat muzik kesenian yang sebahagian besar diperbuat daripada bahan buluh, seperti contohnya angklung, suling, dan arumba.



Saung Angklung Udjo ditubuhkan pada bulan Januari 1966 oleh seniman yang bernama Udjo Ngalagena dengan isterinya Uum Sumiati dengan hasrat untuk memelihara seni dan kebudayaan tradisional Sunda. Pendirian Saung Angklung Udjo tersebut sebenarnya merupakan realisasi dari kecintaan Udjo terhadap angklung, alat muzik yang sangat diminatinya. Perkataan “saung” dalam bahasa Sunda, bermakna rumah kecil, pondok, atau tempat tinggal sementara yang berada di sawah atau di ladang (Sultan Syafii, 2009, hal.21).

Saung Angklung Udjo merupakan destinasi yang selalu ramai dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara. Jumlah pengunjung ke Saung Angklung Udjo mencatatkan peningkatan dari 20,516 dalam tahun 2004 kepada 132,373 pengunjung dalam tahun 2010. (Marketing Saung Angklung Udjo dalam Bellani dan Gitasiswhara, 2012, hal.424). Saung Angklung Udjo telah mencipta pelbagai strategi untuk mencetuskan pengalaman berbeza seperti pendekatan pengajaran dan stail persembahan untuk mempertahankan tingkat kunjungan. Saung Angklung Udjo juga mempraktikkan *creative tourism* dalam dalam mempromosi dan mengkomersialkan tempat mereka. Diantara strateginya ialah pemasaran alat muzik seperti angklung dan produk lain melalui internet. Selain daripada persembahan muzik, aktiviti interaktif yang melibatkan penonton turut diterapkan.

Raymond & Richards (2000) menyatakan bahawa *creative tourism* ialah pelancongan yang “menawarkan kesempatan untuk mengembangkan potensi kreatif



melalui penglibatan aktif dalam pelatihan dan pengalaman pembelajaran yang disesuaikan dengan ciri-ciri tempat pelancongan mereka” (hal. 425). Campbell (2005) menyarankan bahawa strategi *creative tourism* seperti *Creative Spectacles*, *Creative Space and Creative Tourism* yang diteroka oleh Saung Angklung Udjo dapat membantu meningkatkan jumlah pelancong yang melawat SAU (hal.16). Bengkel-bengkel interaktif dan tempat kerja, memupuk perasaan mesra dikalangan pelancong dengan masyarakat tempatan melalui penglibatan informal (Bellani dan Gitasiswhara, 2012).

Saung Angklung Udjo konsisten dalam mengembangkan kesenian angklung kerana kesenian angklung memiliki nilai-nilai luhur dalam pembinaan karakter manusia, antara lain nilai kerjasama, gotongroyong, disiplin, teliti, dan tanggung jawab. Nilai-nilai luhur inilah yang terus dikembangkan dalam budaya Saung Angklung Udjo sampai saat ini. Seperti yang dikatakan oleh Obby (2010) bahawa hal yang membuat alat muzik angklung sangat digemari antara lain adalah falsafah 5M yang terdapat pada alat muzik angklung itu sendiri, iaitu mudah, murah, mendidik, menarik, dan massal.

Angklung Udjo berbeza dibandingkan dengan angklung tradisional iaitu angklung gubrag, angklung dogdog lojor, angklung kanekes, angklung badeng, dan angklung buncis. Secara umum (Didin, 2006) menyebutkan bahawa angklung-angklung tradisional yang ada di Jawa Barat pada mulanya dibentangkan untuk aktiviti yang bersifat arak-arakan yang berkaitan dengan padi. Jenis kesenian tersebut banyak tumbuh dan berkembang di persekitaran luar bandar, dan merupakan nilai budaya yang senantiasa

dipergunakan sebagai acuan untuk menjaga keselarasan dan keseimbangan dalam tatanan kehidupan masyarakat Sunda dalam mempertahankan seni budaya. Obby (2010) memaparkan beberapa jenis angklung yang berada di Jawa Barat, di antaranya ialah:

a. Angklung Kanekes

Angklung Kanekes adalah angklung yang berasal dari daerah Kanekes (perkampungan orang baduy, Banten). Angklung jenis ini tidak semata-mata dipergunakan untuk hiburan semata, akan tetapi pada intinya dipergunakan sebagai ritual disaat menanam padi. Dalam penggunaannya, angklung Kanekes boleh dimainkan tanpa aturan mahupun dengan menggunakan kaedah-kaedah ritmis tertentu. Pola penggunaan angklung yang dilakukan dengan cara digetarkan biasanya dilakukan di kawasan baduy bahagian dalam, sebaliknya yang menggunakan ritmis oleh baduy bahagian luar. Yang mempunyai hak dan boleh membuat angklung adalah orang baduy bahagian dalam, selain itu hanya hanya orang-orang tertentu saja yang boleh membuatnya. Hal ini disebabkan oleh adanya syarat-syarat ritual dalam pembuatan angklung Kanekes. Dalam sajian hiburan, angklung Kanekes ini biasanya berlangsung saat terang bulan dan tidak turun hujan. Para pemain tersebut bermain angklung di laman yang luas sambil menyanyikan bermacam-macam lagu dan semua hanya dilakukan oleh lelaki sahaja. Angklung kanekes sendiri terdiri daripada beberapa bentuk dari yang terbesar hingga yang terkecil iaitu: indung, ringkung, dongdong, gunjing, engklok,

indung leutik, torolok, dan roel. Yang dapat membuat angklung kanekes pun khusus orang baduy bahagian dalam, iaitu orang yang berasal dari kampung Cibeo, Cikartawana, dan Cikeusik.

b. Angklung gubrag

Angklung gubrag terdapat di kampung Cipining, kecamatan Cigudeg, bandar Bogor. Angklung ini telah berusia tua dan digunakan untuk menghormati dewi padi dalam aktiviti melak pare (menanam padi), ngunjal pare (mengangkut padi), dan ngadiukeun (meletakkan) ke tempat penyimpanan padi (lumbung). Dalam mitosnya angklung gubrag bermula ketika suatu masa kampung Cipining mengalami musim kemarau. Pada mulanya, angklung adalah alat muzik yang tidak mempunyai nada suara. Angklung kuno tidak mempunyai irama dan hanya berbunyi "gubrak". Oleh kerana itu, pada zaman dahulu, angklung yang tak mempunyai nada disebut dengan angklung gubrak. Angklung gubrak merupakan perpaduan alat muzik angklung yang diperbuat daripada buluh berukuran panjang mencapai kira-kira 50 hingga 100 sentimeter. Menurut sejarahnya, angklung gubrak yang konon telah ada di daerah Bogor sejak 400 tahun lalu ini selalu menjadi muzik pengiring ketika menggelar acara menuai padi. Mereka percaya, alunan nada yang berasal dari angklung tersebut, nantinya dapat membuat padi yang akan mereka tanam semula dapat tumbuh dengan subur.

c. Angklung dogdog lojor

Angklung dogdog lojor adalah angklung yang dipergunakan dalam kesenian adat dogdog lojor. Kesenian dogdog lojor sendiri terdapat di masyarakat Kasepuhan Pancer pangawinan atau kesatuan adat Banten selatan yang tersebar di sekitar Gunung Halimun.

Kesenian dogdog lojor sendiri diadakan setahun sekali, selepas tuaian raya seluruh masyarakat mengadakan acara serah taun (akhir tahun) di pusat kampung adat. Pusat kampung adat sebagai tempat kediaman orang yang dituakan tempatnya selalu berpindah-pindah sesuai petunjuk ghaib. Tradisi penghormatan padi pada masyarakat ini masih dilaksanakan kerana mereka termasuk masyarakat yang masih memegang teguh adat lama. Secara tradisi mereka mengaku sebagai keturunan para pejabat dan perajurit keraton Pajajaran dalam barisan askar bertombak. Masyarakat ini telah menganut agama Islam dan agak terbuka akan pengaruh moden, serta hal-hal hiburan kesenangan duniawi boleh dinikmatinya. Sikap ini berpengaruh pula dalam dalam hal fungsi kesenian yang sejak sekitar tahun 1970. Dogdog lojor telah mengalami perkembangan, yaitu digunakan untuk memeriahkan khitanan anak, perkahwinan, dan acara kemeriahan lainnya. Instrumen yang digunakan dalam kesenian dogdog lojor adalah 2 buah dogdog lojor dan 4 buah angklung besar. Keempat buah angklung ini mempunyai nama, yang terbesar dinamakan gonggong, kemudian panembal, kingking, dan inclok.

Setiap instrumen dimainkan oleh satu orang, sehingga semuanya berjumlah enam orang.

d. Angklung Badeng

Badeng merupakan jenis kesenian yang menekankan segi muzikal dengan angklung sebagai alat muzik yang utama. Badeng terdapat di kampung Sanding, Kecamatan Malangbong, bandar Garut. Dahulu angklung badeng berfungsi sebagai hiburan untuk kepentingan dakwah Islam. Tetapi diduga badeng telah digunakan masyarakat sejak lama dari masa sebelum Islam untuk acara-acara yang berhubungan dengan ritual penanaman padi. Sebagai seni untuk dakwah badeng dipercaya berkembang sejak Islam menyebar di daerah ini sekitar abad ke-16 atau

17. Pada masa itu penduduk Sanding, Arpaen dan Nursaen, belajar agama Islam ke kerajaan Demak. Setelah pulang dari Demak mereka berdakwah menyebarkan agama Islam. Salah satu cara penyebaran Islam yang digunakannya adalah dengan kesenian badeng. Angklung yang digunakan sebanyak sembilan buah, yaitu 2 angklung roel, 1 angklung kecer, 4 angklung indung dan angklung bapa, 2 angklung anak; 2 buah dogdog, 2 buah terbang atau gembyung, serta 1 tamborin.

e. Angklung buncis

Angklung buncis adalah angklung yang dimainkan pada kesenian buncis. Kesenian buncis sendiri merupakan seni pertunjukan yang bersifat hiburan yang berkembang

di daerah Baros, bandar Bandung. Pada mulanya buncis digunakan pada aktiviti pertanian yang berhubungan dengan padi. Tetapi pada masa sekarang buncis digunakan sebagai seni hiburan. Hal ini berkaitan dengan semakin berubahnya pandangan masyarakat yang bermula kurang mengindahkan hal-hal berbau kepercayaan lama. Tahun 1940 boleh dianggap sebagai berakhirnya fungsi ritual buncis dalam penghormatan padi, kerana sejak itu buncis berubah menjadi persembahan hiburan. Selaras dengan itu tempat-tempat penyimpanan padi atau lumbung padi pun mulai menghilang dari rumah-rumah penduduk, diganti dengan tempat-tempat dari kain atau plastik yang lebih praktikal, dan mudah dibawa ke mana-mana. Padi pun sekarang banyak yang langsung dijual, tidak disimpan di tempat penyimpanan padi.

Nama kesenian buncis berkaitan dengan sebuah teks lagu yang terkenal di kalangan rakyat. Teks tersebut terdapat dalam kesenian buncis, sehingga kesenian ini dinamakan buncis. Instrumen yang digunakan dalam kesenian buncis adalah 2 angklung indung, 2 angklung ambrug, angklung panempas, 2 angklung pancer, 1 angklung enclok. Kemudian 3 buah dogdog, terdiri dari 1 talingtit, panembal, dan badublag. Dalam perkembangannya kemudian ditambah dengan trompet, tamborin, dan gong. Angklung buncis berlaras slendro dengan lagu vokal boleh berlaras madenda atau degung. Lagu-lagu buncis di antaranya: badud, buncis, renggong, senggot, jalandir, jangjalik, ela-ela, mega beureum. Sekarang lagu-lagu



buncis telah menggunakan lagu-lagu dari gamelan, dengan penyanyi yang tadinya lelaki pemain angklung, kini oleh wanita khusus untuk menyanyi.

f. Angklung sunda moden/angklung padaeng

Angklung sunda moden/angklung padaeng adalah angklung yang dikenalkan oleh Daeng Soetigna sejak tahun 1938. Penemuan pada angklung ini ialah digunakannya skel diatonik yang sesuai dengan sistem muzik barat. Angklung Padaeng ini boleh memainkan lagu-lagu antarabangsa, dan juga boleh bermain dalam bentuk orkestra dengan berkolaborasi dengan alat muzik lain.



Angklung sunda moden atau angklung padaeng secara kerap dipersembahkan di Saung Angklung Udjo. Di Saung Angklung Udjo ini diadakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan angklung, dari bermula membuat angklung, mengajar kanak-kanak bermain angklung, sehingga melakukan persembahan muzik angklung. Para pelawat tersebut berdatangan dari pelbagai tempat di Indonesia dan dari pelbagai negara.

Skel yang digunakan dalam angklung Udjo tidak terbatas pada skel pentatonik, tetapi mengandungi skel diatonik juga. Skel pentatonik terdiri atas skel slendro, pelog, dan madenda. Angklung yang dibangunkan oleh Udjo berkaitan dengan latar belakang Udjo bersama Daeng Soetigna (guru angklung Udjo). Daeng





Soetigna merupakan orang pertama yang membangunkan sistem nada angklung diatonik. Angklung di Saung Angklung Udjo juga dipanggil angklung Sunda moden/angklung padaeng.

Konsep pembinaan Saung Angklung Udjo berdasarkan prinsip kedinamikan perhubungan dan interaksi di antara sumber alam, komuniti dan pelancong. Saung Angklung Udjo telah membangunkan satu ekosistem yang memperkasakan tiga elemen pendidikan, pelancongan dan pembuatan alat muzik. Briassoulis (2001) dan Twinning-Ward and Butler (2002) menyatakan bahawa pembangunan pelancongan eko-budaya penting melibatkan perhubungan simbiotik antara komponen utama *stakeholders* ini. Saung Angklung Udjo melibatkan penggunaan tenaga pekerja dari komuniti tempatan, menggunakan sumber alam semulajadi untuk membina alat muzik serta turut mendidik pelancong tempatan dan luar negara mengenai budaya di Bandung di Saung Angklung Udjo.

Saung Angklung Udjo juga merupakan salah satu tumpuan pendidikan dan pelancongan bertujuan untuk mempromosi dan melestarikan budaya Sunda melalui : 1) bengkel pendidikan muzik, 2) persembahan tradisional dan kontemporari, 3) bengkel pembuatan alat muzik. Angklung yang dibangunkan di Saung Angklung Udjo ini mendapat tempat di hati masyarakat Indonesia kerana selaras dengan perubahan orientasi budaya pada masa itu. Sistem kebudayaan kebangsaan memberikan suatu perubahan dalam konsep pendidikan kebangsaan, khususnya dalam pendidikan seni muzik, iaitu





sebahagian kecil muzik barat telah dijadikan bahan pengajaran dalam pendidikan di Indonesia.

Udjo berpendapat bahawa angklung sesuai digunakan sebagai alat pendidikan. Selanjutnya, Udjo mula melatih muzik angklung kepada para pelajar tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah yang bertempat tinggal di sekitar Saung Angklung Udjo, di Padasuka, Bandung. Oleh kerana itu didalam pengurusan Saung Angklung Udjo, permainan angklung banyak dilakukan oleh kanak-kanak. Prosser berpendapat (1994) bahawa pendidikan merupakan aspek penting dalam Saung Angklung Udjo kerana ia dapat mempengaruhi anak-anak muda untuk mencintai budaya negara, memelihara alam sekitar, mengapresiasi tradisi muzik dan tarian tempatan (Khairul Hisyam, 2007, hal.295).



Saung Angklung Udjo telah berkembang menjadi satu-satunya kawasan pelancongan seni Sunda di bandar Bandung yang berjaya memanfaatkan angklung sebagai daya tarikan pelancongan. Dengan angklung, Saung Angklung Udjo dapat mengangkat nama Jawa Barat dan Indonesia di mata dunia. Khairul Hisyam (2007) menyatakan bahawa daya tarikan sebuah kawasan tidak semestinya memerlukan banyak tempat yang menarik. Sesuatu tempat pelancongan, kalau diurustadbir dengan berkesan dengan komitmen kerja serta penuh kesefahaman akan membuahkan kejayaan yang berpanjangan (hal. 295). Ditegaskan juga oleh (Damanik dan Weber dalam Yulianto, 2015, hal.256) bahawa daya tarik wisata yang baik sangat berkaitan dengan empat



perkara, iaitu memiliki keunikan, orijinalitas, kesahihan dan kepelbagaian. Keunikan diertikan sebagai gabungan kekurangan dan ke khasan yang melekat pada suatu daya tarik pelancongan, orijinalitas mencerminkan keaslian atau kemurnian, kesahihan lebih sering dikaitkan dengan tahap kecantikan atau ekotisme budaya sebagai daya tarikan pelancongan, dan kepelbagaian merupakan kategori nilai yang menggabungkan sifat semulajadi eksotik dan bersahaja. Hal ini sesuai dengan Saung Angklung Udjo, yang memiliki keunikan, keaslian, kesahihan dan kepelbagaian sebagai daya tarikan pelancong untuk berkunjung ke Saung Angklung Udjo.

Masyarakat di sekitar Saung Angklung dapat hidup dengan penglibatan sebagai pemain, tukang, pekerja, peniaga dan pengelola. Dengan suasana tempat yang segar udaranya dan dikelilingi oleh pohon-pohon buluh, dari kerajinan buluh dan interior buluh sampai alat muzik buluh. Disamping persembahan rutin setiap petang, Saung Angklung Udjo telah berkali-kali mengadakan persembahan khusus yang dilakukan pada pagi atau siang hari. Pertunjukkan tersebut tidak terhad diadakan di lokasi Saung Angklung Udjo sahaja, tetapi pelbagai undangan membuat persembahan di pelbagai tempat baik di dalam maupun di luar negara.

Saung Angklung Udjo tidak terbatas pada hanya menjual seni persembahan saja, pelbagai produk alat muzik buluh tradisional (angklung, arumba, calung dan lain-lain) dibuat dan dijual kepada para pembeli. Sesuai dengan konsep pelancongan berasaskan masyarakat, masyarakat tempatan di Saung Angklung Udjo melibatkan diri sebagai